

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**AMALAN PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN DALAM TALIAN  
GURU MATA PELAJARAN HIFZ AL-  
QURAN DI SEKOLAH-SEKOLAH  
BERASRAMA PENUH TMUA**

**NOR AZAM BIN ABDULLAH**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi  
keperluan untuk ijazah  
**Sarjana**  
**(Pengajian Islam Kontemporari)**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Mac 2022**

## ABSTRAK

Mata pelajaran Hifz al-Quran di sekolah-sekolah SBP TMUA diajar secara bersemuka menggunakan kaedah *talaqqi* (bersemuka) dan *musyafahah* (bacaan mengikut bibir). Kaedah ini telah digunakan dalam pendidikan tahfiz al-Quran semenjak zaman Rasulullah SAW lagi. Namun pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan menyebabkan pembelajaran bersemuka tidak dapat dilaksanakan, sekali gus telah membuka ruang kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Hifz al-Quran secara dalam talian. Proses PdP dalam talian merupakan perkara yang di luar kebiasaan guru subjek Hifz Al-Quran. Untuk itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan PdP dalam talian guru-guru mata pelajaran Hifz al-Quran di sekolah-sekolah SBP TMUA serta kesediaan mereka melaksanakan PdP dalam talian. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti hubungan antara tahap amalan PdP dalam talian guru-guru Hifz al-Quran dengan tahap kesediaan mereka melaksanakan PdP dalam talian. Di samping itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti perbezaan tahap amalan PdP dalam talian guru-guru Hifz al-Quran mengikut sekolah. Data kajian ini dikumpulkan secara persampelan purposif melibatkan keseluruhan 219 orang guru mata pelajaran Hifz al-Quran di empat buah SBP TMUA iaitu SMAP Bentong, SBPI Rawang, SBPI Batu Rakit dan SBPI Selandar. Guru-guru berkenaan diminta menjawab soal selidik secara dalam talian yang dibina dengan mengadaptasi borang penilaian Standard 4 SKPMg2 dan soal selidik Model Penerimaan Teknologi TAM. Analisis deskriptif dan inferens telah dijalankan ke atas data yang diperolehi menggunakan perisian SPSS versi 26. Hasil kajian ini mendapati amalan PdP dalam talian guru-guru Hifz al-Quran sekolah-sekolah SBP TMUA berada pada tahap cemerlang. Kesediaan guru-guru berkenaan untuk melaksanakan PdP dalam talian juga tinggi. Terdapat hubungan positif yang signifikan antara tahap kesediaan guru-guru Hifz al-Quran melaksanakan PdP dalam talian dengan tahap amalan PdP dalam talian mereka. Tahap kesediaan guru hanya mempengaruhi tahap amalan guru pada kadar 4.8% sahaja. Oleh itu, kajian lanjutan boleh dilaksanakan untuk mengenal pasti faktor-faktor lain yang mempengaruhi tahap amalan PdP dalam talian guru. Kajian juga mendapati walaupun guru-guru Hifz al-Quran sekolah-sekolah SBP TMUA semuanya cemerlang dalam melaksanakan PdP dalam talian, terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pelaksanaan PdP dalam talian SMAP Bentong dengan SBPI Batu Rakit. Oleh itu, sekolah-sekolah terlibat boleh duduk semeja membincangkan kekuatan dan kelemahan seterusnya melaksanakan program-program bersama yang dapat meningkatkan kualiti amalan guru sekolah masing-masing. Adalah diharapkan kajian ini dapat meningkatkan lagi kualiti PdP dalam talian guru-guru Hifz al-Quran sekali gus meningkatkan pencapaian mata pelajaran ini di peringkat SPM, insya-Allah.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah SWT atas limpah dan kurnia-Nya saya dapat menyelesaikan kajian Sarjana saya ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya, Ustaz Haji Zawawi bin Haji Temyati dan YBhg. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Nor bin Mamat atas tunjuk ajar dan panduan yang diberikan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Pengetua, Penolong Kanan, Guru Kanan Pendidikan Islam, Ketua/Penyelaras Program TMUA dan guru-guru TMUA empat buah SBP TMUA yang terlibat dalam kajian ini iaitu SBPI Rawang, SMAP Bentong, Pahang, SBPI Rawang, Selangor, SBPI Batu Rakit, Terengganu, dan SBPI Selandar, Melaka, atas kerja sama erat yang diberikan terutamanya dalam urusan pengumpulan data kajian.

Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada pihak Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Bahagian Pendidikan Islam yang membenarkan saya melaksanakan kajian ini di sekolah-sekolah Sekolah-sekolah Berasrama Penuh Tahfiz Model Ulul Albab.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Pascasiswazah ACIS dan presidennya Mejar Azlisham bin Abdul Aziz yang sering menganjurkan bengkel-bengkel pascasiswazah secara dalam talian. Saya banyak belajar daripada sesi-sesi ini. Di samping itu, cabaran menyediakan penyediaan tesis mengikut garis panduan dan format UiTM dapat saya harungi dengan bantuan MZJ Formatting Method yang dibina oleh Dr Mohd Zuli Jaafar, Pensyarah Kanan Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka. Terima kasih Dr.

Ucapan *syukran jazilan* saya rakamkan kepada rakan ALKISAN, Prof Madya Dr Muhamad Suhaimi Taat. Tidak lupa juga kepada rakan karib saya, Dr Afandi Yusoff yang sentiasa menjadi sumber inspirasi. Kepada semua individu yang membantu, baik secara langsung mahupun tidak langsung, saya ucapkan terima kasih. Semoga Allah mengganjari kalian dengan kebaikan di dunia dan akhirat.

Akhirnya, saya dedikasikan kajian saya ini kepada ibu saya, Pn Hajah Siti Zainab binti Said, isteri saya, Pn Hajah Raihan binti Shaari dan anak-anak saya Ahmad Iqbal, Asma', Sarah Huda, Aisyah Huda, Maryam Huda dan Al-Marhumah Munirah Huda. Terima kasih atas doa, kesabaran dan kata-kata semangat yang diberikan sepanjang pengajian saya ini.

# ISI KANDUNGAN

## Muka Surat

<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	<b>ii</b>
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	5
1.6 Hipotesis	6
1.7 Skop Dan Batasan Kajian	6
1.8 Kepentingan Kajian	7
1.9 Kerangka Konseptual	7
1.9.1 Instrumen Standard 4 SKPMg2	8
1.9.2 Model Penerimaan Teknologi (TAM)	9
1.9.3 Kerangka Konseptual Diadaptasi	10
1.10 Definisi Operasional	11
1.10.1 Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR)	11
1.10.2 PdP Dalam Talian	12
1.10.3 Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Dan Hifz Al-Quran	12
1.10.4 Sekolah Berasrama Penuh (SBP)	13
1.10.5 Sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)	13

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Kajian peringkat Sarjana ini bertajuk Amalan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Dalam Talian Guru-guru Mata Pelajaran Hifz al-Quran di Sekolah-Sekolah Berasrama Penuh Tahfiz Model Ulul Albab (SBP TMUA). Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap amalan PdP dalam talian guru-guru yang mengajar mata pelajaran Hifz al-Quran di SBP TMUA. Kajian ini dibahagikan kepada lima bab iaitu Pengenalan, Kajian Literatur, Metodologi, Dapatan Kajian dan seterusnya diakhiri dengan bab Cadangan Dan Kesimpulan. Dalam Bab 1, kajian akan bertumpu kepada latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan kerangka konseptual kajian. Pada akhir bab ini, penyelidik juga mengemukakan beberapa definisi operasional yang berkaitan dengan kajian.

### **1.2 Latar Belakang**

Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) merupakan program tahfiz al-Quran di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). TMUA KPM merupakan respons KPM terhadap kehendak masyarakat yang mahukan lebih banyak sekolah yang menggabungkan pembelajaran akademik dan tahfiz secara sistematik. TMUA KPM juga mengambil inspirasi daripada kejayaan program Ulul Albab yang sedia dilaksanakan di sekolah-sekolah Imtiaz Yayasan Terengganu dan Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab. (Nik Md Saiful Azizi et al., 2016) dan (Arniyuzie Mohd Arshad, 2015).

Program TMUA dilaksanakan di sekolah-sekolah KPM yang terpilih bermula tahun 2014. Sehingga sekarang terdapat 15 buah sekolah TMUA KPM yang mewakili setiap negeri di Malaysia. Daripada 15 buah sekolah TMUA, empat buah sekolah TMUA adalah terdiri daripada Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Sekolah-sekolah tersebut ialah SMAP Bentong, SBPI Rawang, SBPI Batu Rakit dan SBPI Selandar.